

03/11/1999

Memorandum Beraksi perlu disiasat

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Peguam diminta menyiasat memorandum Badan Bertindak Rakyat Anti-Karpal Singh (Beraksi) secara telus bagi membuktikan mereka bukan pertubuhan antikerajaan.

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata siasatan terhadap Karpal perlu kerana Ahli Parlimen Jelutong itu melanggar etika guaman.

"Inilah masa bagi Majlis Peguam membuktikan kepada masyarakat mereka tidak memihak, telus dan bukan pertubuhan antikerajaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau mengulas tindakan Beraksi yang menyerahkan memorandum kepada Majlis Peguam semalam, menggesa siasatan terhadap Karpal kerana dikatakan melanggar etika guaman.

Pengerusi badan itu, Datuk Mohd Noor Dom, berkata Beraksi mahu Majlis Peguam menyiasat Karpal yang didakwa melanggar peraturan 4, 5 (a), 5 (b) dan 17 Akta Profesion Guaman (Praktik dan Etika) Peraturan 1978.

Peraturan itu memperuntukkan tidak ada peguam bela dan pendakwa boleh menerima kes yang mana dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai amalan profesionalnya mungkin boleh dicabar.

Tengku Adnan berkata, Karpal pernah mendesak Datuk Seri Anwar Ibrahim disiasat berhubung salah laku seks ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi kini Anwar menjadi salah seorang pelanggan utamanya.

"Karpal akan menukar rentak dan mengorbankan kepercayaannya kerana wang. Karpal seperti juga pelanggannya adalah hiprokit dan mereka hanya mengutamakan cita-cita politik," katanya.

Tengku Adnan berkata, Karpal juga membuat pelbagai tuduhan, termasuk menuduh Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Arifin Jaka, takut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Karpal tidak beradab kerana memanggil Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein dan Tan Sri Vincent Tan 'makhluk' dalam mahkamah ketika perbincangan kes liwat (Datuk Seri) Anwar Ibrahim," katanya.

(END)